

17/12/1997

Antara patriotisme perlu dulu dan sekarang

DUA perkara yang ditimbulkan Perdana Menteri baru-baru ini patut menarik perhatian kita. Pertama mengenai tidak patriotiknya mereka yang menaikkan harga barangan keperluan sewenang-wenang, seolah-olah menyanggah usaha kerajaan menyekat inflasi. Kedua peringatan PM supaya kita tidak terjebak dengan meminta IMF campur tangan dalam urusan ekonomi kita kerana syaratnya yang dikenakan apabila menerima pakej bantuan IMF akan mengikat dan mengehadkan kebebasan kita.

Ketika ekonomi kita meningkat, usaha membendung inflasi diberi perhatian oleh kerajaan. Beberapa langkah diambil terutama terhadap barangan keperluan harian, untuk menstabilkan harga barangan itu. Walaupun tidak semua langkah itu berjaya, kerana pedagang lebih licik dan rakus mengaut untung, kadar inflasi di negara kita antara yang terendah di dunia.

Apatah lagi dalam keadaan nilai mata wang kita merosot dan pasaran saham jatuh sekarang, kita mesti menyekat inflasi sebaik mungkin. Ahli ekonomi setuju, termasuk dari luar negara yang asas ekonomi kita kukuh dan tiada sebab kita mesti mengalami kemerosotan ini. Menurut seorang ahli ekonomi tempatan, pasaran tidak lagi mengikut petunjuk ekonomi yang zahir, tetapi dipengaruhi oleh sentimen atau perasaan.

Perkataan yang terpacul daripada PM, iaitu 'tidak patriotik' dalam hubungannya dengan kegiatan mengaut untung untuk kepentingan sendiri dalam masa negara mengalami kemerosotan ekonomi, juga bersangkutan dengan sentimen. Patriotisme adalah perasaan atau sentimen kasihkan negara yang diromantikkan lebih jauh dengan panggilan tanah air atau ibu pertiwi.

Patriotisme lahir apabila wujud negara sebagai entiti dan identiti kelompok. Sebelum itu ada juga sentimen kasih kepada kelompok yang berdasarkan kepada ikatan lain seperti keluarga. Ikatan keluarga besar seperti kesukuan atau clan dapat kita perhatikan kepada sentimen kekitaan kesukuan di Minangkabau atau clan di Scotland.

Sudah 40 tahun negara ini merdeka dan PM sendiri terpaksa menanyakan apakah perasaan patriotisme sudah tertanam di kalangan kita? Belum lagi negara ini berperang dengan musuh, cuma takat menghadapi krisis ekonomi, soal mengorbankan kepentingan diri sendiri bagi menjaga kepentingan negara dibangkitkan. Bagi PM kita yang membangunkan ekonomi negara ke tahap kemajuan yang kita kecapai, persoalan itu wajar sekali.

Namun, ini bukan bermakna negara telah mengabaikan pembinaan patriotisme. Pada awal kemerdekaan dahulu, semangat nasionalisme yang secara tidak langsung juga patriotisme, adalah agenda penting. Tetapi tidak ada yang lebih utama daripada sistem pendidikan kebangsaan yang digubal oleh Jawatankuasa Razak pada 1956.

Keperluan untuk membentuk sebuah negara bangsa yang masyarakatnya menumpukan taat setia dan kasihkan negara lebih-lebih ketika negara mengalami keretakan atas dasar perkauman dan pembahagian ekonomi tidak seimbang antara kaum. Bagi mengurangkan keretakan itu sistem pendidikan nasional diperkenalkan atas dasar bahasa pengantar pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan semua sekolah kerajaan bukan lagi terbahagi kepada aliran bahasa Inggeris, Melayu, Cina atau Tamil.

Sejauh mana sistem pendidikan itu menanam semangat patriotisme, terlalu sukar untuk diukur. Tetapi lebih sukar disangkal lulusan sekolah kita daripada sistem pendidikan nasional itu tidak menunjukkan semangat ke-Malaysiaan berbanding ibu bapa mereka sebagai warisan masyarakat kolonial 40 tahun dulu. Ciri yang membantu sistem pendidikan nasional dari segi ini

termasuk: Satu sistem bagi semua mengikutinya; mempunyai matlamat yang tegas iaitu di samping melahirkan tenaga kerja yang diperlukan; membina satu rupa bangsa; bahasa pengantar yang satu supaya lulusannya bukan saja bertutur dalam bahasa kebangsaan, tetapi mengatur corak hidupnya di sekeliling bahasa itu.

Selain sistem pendidikan pelbagai usaha kerajaan lagi meningkatkan lagi perpaduan dan integrasi daripada perbezaan sosial yang sedia wujud dalam masyarakat. Secara tidak langsung patriotisme dapat ditanam apabila kegiatan atau pergerakan kita menyedarkan kita perpaduan dan integrasi hanyalah bagi menjaga kepentingan bersama.

Bagi pendidik bukan saja perpaduan dan integrasi boleh dicapai melalui bahasa pengantar yang satu tetapi melalui mata pelajaran seperti sejarah, sivik ataupun sains sosial. Setahu saya cuma sebuah badan yang secara terus terang berusaha mengetengahkan patriotisme, iaitu Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme (IKSEP) di Melaka itu.

Sudah sampai masanya kita meninjau semula soal patriotisme ini atau soal pembinaan bangsa, kerana selepas mengecap kemewahan kita asyik mahu mengejar untung dan mencipta kekayaan bagi diri sendiri. Benar seperti kata PM, ada di kalangan kita yang lebih mementingkan keuntungan sendiri daripada kepentingan negara. Pada dasarnya apa yang terbabit ialah nilai kepentingan diri mengatasi kepentingan negara.

Peringatan PM yang pakej IMF akan mendesak kita meliberalisasikan ekonomi dan akibatnya mungkin bank kita juga akan dikuasai oleh bank antarabangsa yang lebih besar mencerminkan kesangsian yang memang wujud sejak lama terhadap aliran globalisasi yang dilaung-laungkan kuasa Barat. Banyak pihak tidak silu-silu menyatakan aliran itu adalah helah Barat mengekalkan kekuasaannya (hegemony) selepas kehilangan tanah jajahannya.

Walaupun ada jaminan diberi proses liberalisasi akan menjaga kepentingan institusi kewangan tempatan, namun kita tahu syarat yang dikenakan oleh IMF apabila sesebuah negara menerima pakej bantuannya. Beberapa syarat ketat dikenakan di samping faedah tinggi dan meminta ekonomi negara itu membuka pintunya kepada pasaran bebas atau liberalisasi. Jadi kemungkinan yang dibayangkan PM sentiasa ada.

Negara kita kebelakangan ini memang bersedia terhadap proses globalisasi yang menuntut proses meleraikan peraturan tempatan atau deregulation dan juga proses meliberalisasi ekonomi. Seperti kata ahli ekonomi MIER, Dr Mohammad Ariff: "Globalisation...is inevitable and cannot be stopped for it is the current economic trend." (Sun Magazine 21 September 97, hal. 4). Pandangan ini memantulkan pendirian ekonomi kapitalis Barat yang selalu mendesak proses deregulation dan deliberalisation ekonomi negara membangun supaya pasaran terbuka dapat diwujudkan.

Syarat pakej bantuan IMF mungkin ada yang baik seperti mendesak supaya pengurusan ekonomi mematuhi peraturan ketat bagi mengelakkan penyelewengan atau sesuatu yang tidak betul diperlakukan, tetapi seperti peringatan PM syarat meliberalisasi ekonomi akan mendedahkan institusi kewangan tempatan dikuasai tenaga pasaran bebas. Kalau ini berlaku, terancam lah kebebasan dan kedudukan sosioekonomi kita.

Ekonomi bukan bidang saya jadi kedudukan sebenar di luar tanggapan saya, tetapi apa yang berlaku dalam bidang pendidikan terbit daripada proses deregulation dan liberalisation dapat saya jangkakan. Selama dua dekad dasar pendidikan kita tegas dengan matlamat membina satu bangsa yang utuh melalui sistem pendidikan yang satu bersendikan bahasa pengantar bahasa Melayu hingga ke universiti.

Selama itu cadangan menubuhkan universiti, dengan bahasa pengantar selain bahasa Melayu ditolak seperti gagasan Universiti Merdeka. Ura-ura mengajar mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris dan sastera dalam

bahasa Melayu ditangkis. Selama dasar ini berjalan negara dapat dan berjaya mengirih pelajarnya keluar negara bagi mengisi permintaan tenaga kerja mahir.

Jika pengeluaran tidak menepati sasaran, tidak patut dipersalahkan sistem pendidikan yang ada kerana yang kurang adalah bilangan yang dikehendaki. Mungkin dari segi lebih banyak tempat diperlukan di IPT-IPT, bilangannya dan pengajarnya perlu ditambah.

Mungkin kerana hendak memenuhi permintaan globalisasi dekad 90-an ini menyaksikan deregulation dan liberalisation dalam bidang pendidikan negara. Kolej swasta dibenarkan dan tumbuh bagai cendawan lepas hujan atas dorongan memperniagakan pendidikan. Universiti terkenal seberang laut seperti University of London atau University Of Sydney telah diberi kelulusan mendirikan kampus cawangan di sini.

Dengan mata wang kita menurun berbanding mata wang mereka, saya kira daripada perhitungan perniagaan tentu akan membawa keuntungan besar bagi mereka sekarang. Tetapi bagi sistem pendidikan, apakah peluang universiti awam kita yang masih mempertahankan bahasa Melayu untuk menyaingi mereka? Seperti bidang ekonomi juga sistem pendidikan negara terpaksa tunduk kepada tenaga globalisasi dan pasaran terbuka. Jika sistem pendidikan dulu masih belum dapat menanam sentimen patriotisme dengan jayanya, apa peluang sistem pendidikan di bawah proses deregulation dan liberalisasi berbuat demikian? Keluhan PM terhadap tidak patriotiknya sesetengah rakyat dengan tidak mepedulikan seruan untuk berkorban untuk kepentingan negara ketika negara menghadapi kemelut ekonomi sekarang ini, apakah boleh kita harapkan generasi akan datang lebih patriotik.

Mungkin ketika itu, patriotisme mempunyai makna yang lain, iaitu bukan untuk satu-satu negara yang ada sempadannya, tetapi kepada tenaga pasaran bebas dunia tanpa sempadan. Nampaknya peniaga lebih dulu menanggapi makna baru patriotisme, iaitu bukan lagi untuk negara, tetapi untuk pasaran bebas dan keuntungan.

(END)